
UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG: RAJA PEMERINTAH SEBAGAI SIMBOL KUASA DAN KEDAULATAN NEGERI

SURIA FADHILLAH MD PAUZI

FAKULTI UNDANG-UNDANG

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG

ZARITH SOFIAH OTHMAN

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG

SHARIFAH SHATRAH SYED HAMID

FAKULTI UNDANG-UNDANG

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG

ABSTRAK: Pahang atau dikenali dengan pelbagai nama yang lain seperti Peng –Heng atau Pong-Fong melakar susur galur pemerintahan bermula daripada keturunan Raja-raja Melaka iaitu Sultan Muhammad Shah (1470-1475) sehingga Sultan Mahmud Shah. Setelah itu, keturunan Bendahara Tun Habib Abdil Majid, keturunan Bendahara Melaka telah mengambil alih tampuk pemerintahan Pahang dan akhirnya pada tahun 1882 Bendahara Wan Ahmad menjadi keturunan Bendahara yang pertama telah memakai gelaran DYMM Sultan. Sementara itu, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang yang menjadi autoriti utama sistem pentadbiran kerajaan Pahang telah dimeterai pada tahun 1948 oleh DYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Mu'azzam Shah Ibni Almarhum Almuktasim Billah Sultan Abdullah. Kertas kerja ini membincangkan susur galur pemerintahan beraja Pahang dan kuasa, hak dan kedaulatan Raja Pemerintah dengan merujuk kepada peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang.

KATA KUNCI: *Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, Raja Pemerintah, Kuasa, Hak, Kedaulatan*

SEJARAH PEMERINTAHAN BERAJA PAHANG

Pahang atau lebih dikenali sebagai 'Pan-Pan' dan 'Peng Keng' oleh pengarang-pengarang dari China mempunyai susur galur sejarah pemerintahan negeri yang menarik. Pahang adalah sebuah negeri yang sudah ternama sejak dahulu lagi dan dikenali dengan pelbagai nama seperti 'Pam', 'Pan', 'Paam', 'Paon', 'Phaan', dan 'Phang' oleh orang Eropah atau 'Mahang' oleh orang-orang Jakun keturunan Melayu Purba.ⁱ Dalam bahasa Khmer perkataan Pahang itu adalah bahasa Siam-Asli yang bererti 'timah'ⁱⁱ. Selain itu, dalam Hikayat Hang Tuah dan lain-lain catatan lama, Pahang dirujuk sebagai 'Inderapura' dan disebut 'Pahang Inderapura'. Orang-orang Hindu Asli berbahasa Sanskrit memanggil ibu negeri Pahang sebagai 'Pura' yang bererti pekan atau bandarⁱⁱⁱ. Pada tahun 1225, Chao Ju-kua seorang pegawai berbangsa China telah mengarang sebuah buku yang bertajuk 'Chu-fan-chi'. Beliau menyatakan bahawa negeri 'Peng-keng' iaitu Pahang adalah sebuah negeri yang ditakluk dibawah kuasa 'San-fo-chi' iaitu kerajaan Seri Wijaya dari Palembang^{iv}. Oleh sebab itu, bolehlah disimpulkan bahawa pada Kurun Masehi yang ke-13, negeri Pahang telah dikuasai

oleh kerajaan Seri Wijaya. Pada tahun 1378, Pahang diletakkan di bawah Pemerintahan Maharaja Tajau dan seterusnya diambil alih oleh seorang raja yang bernama Parameswara Tasik Cini. Kedua-dua Raja ini telah membayar uffi kepada Maharaja China dan Baginda telah mengutuskan Laksamana Cheng Ho untuk memberi jaminan perlindungan dari China ditandai dengan kunjungan berturut-turut pada tahun 1412 dan 1416^v. Pada tahun 1456, putera Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah telah menaiki takhta Melaka. Semasa pemerintahan sultan ini, dasar perluasan kuasa empayar Melaka telah menyebabkan Melaka menyerang dan menawan Pahang yang masih merupakan negeri taklukan Siam^{vi}. Kejayaan ini telah membebaskan Pahang dari taklukan Siam, tetapi keadaan ini menjadikan Pahang sebagai jajahan takluk Melaka. Sebagai tanda penguasaan Melaka terhadap Pahang, baginda telah melantik Panglima perang sebagai pemerintah Pahang dengan gelaran Seri Bija Diraja^{vii}. Sultan Pertama Pahang daripada keturunan Melaka adalah Sultan Muhammad Shah (1470-1475) putera kepada Sultan Mansur Shah yang ditabalkan sebagai sultan Pahang disebabkan peristiwa sepak raga^{viii}.

Bermula pemerintahan Sultan Muhammad Shah sehinggalah kepada pengganti-penggantinya, negeri Pahang sering terancam. Selepas itu, baginda telah digantikan oleh adindanya, Raja Ahmad pada tahun 1475 sehingga tahun 1494 yang mengambil gelaran Sultan Ahmad Shah Pahang. Namun begitu, Sultan Ahmad bukanlah seorang pemerintah yang berkebolehan. Tindakan baginda yang kejam^x telah menimbulkan persengketaan rakyat dan ini telah mengundang kebimbangan Bendahara^x. Oleh itu, baginda telah turun takhta dan melantik anakandanya, Mansur dengan gelaran Sultan Mansur untuk memperbaiki keadaan tersebut, tetapi usia Mansur ^{xi} yang masih muda telah menggagalkan rancangannya. Justeru itu, Sultan Mahmud Shah dari Melaka telah melantik Raja Jamil, putera Sultan Muhammad Shah I dari Pahang sebagai pemerintah Pahang yang baru pada tahun 1495^{xii} hingga tahun 1511. Pengalaman dan kematangan peribadi baginda telah mengatasi kebolehan Sultan Mansur. Zaman pemerintahan Sultan Jamil Shah amat penting untuk Pahang kerana baginda telah memulakan satu dasar baru iaitu hubungan damai antara Pahang dan Melaka. Hubungan baik ini telah mematahkan serangan dari Raja Ligor pada tahun 1500. Ini menunjukkan bahawa kerjasama antara Pahang dan Melaka telah menghalang Siam daripada menawan Pahang, sekaligus mewujudkan hubungan mesra dan persefahaman antara kedua-dua buah negeri^{xiii}. Kekalahan pemerintah Ligor menandakan tamatnya usaha-usaha Siam menawan Pahang. Kekalahan Siam di Pahang malangnya tidak menandakan tamatnya cita-cita politik asing di negeri-negeri Tanah Melayu amnya. Pemerintahan Pahang menjadi kuasa tempatan yang unggul akhirnya jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1514. Kemasukan Portugis ke Tanah Melayu telah memaksa Sultan Mahmud dan puteranya Sultan Ahmad melarikan diri ke Muar dan kemudiannya ke Pahang yang telah disambut mesra oleh Sultan Jamil Shah^{xiv}. Hubungan politik antara Pahang dan Portugis amat renggang^{xv}. Portugis telah mengiktiraf Pahang sebagai sebuah negeri taklukan Melaka, lalu menuntut pembayaran uffi daripada pemerintahnya, Sultan Mansur (1512-1519) yang menggantikan Sultan Jamil. Keengganan Sultan Mansur dan penggantinya Sultan Mahmud (1519-1530)^{xvi} untuk membayar uffi kepada Portugis telah mengakibatkan berlakunya peperangan di antara kedua-dua pihak. Setelah Sultan Mahmud mangkat, pemerintahan Pahang telah digantikan oleh Sultan Muzaffar Syah pada tahun 1530. Pada suatu malam, berlakunya peristiwa dahsyat iaitu seorang hartawan dan duta Raja Brunei yang telah tinggal di dalam istana selama tiga atau empat tahun telah membunuh seorang raja Pahang kerana telah bermukah dengan isterinya. Sultan Pahang yang mangkat dibunuh itu adalah Sultan Muzaffar Shah^{xvii}.

Setelah Sultan Muzaffar mangkat, Raja Zainal putera almarhum telah menggantikannya yang bergelar Sultan Zainal Abidin. Pengukuhan kuasa di Johor oleh Sultan Alaudin telah menarik

minat Pahang yang pada masa itu bercita-cita menghalau Portugis daripada Tanah Melayu. Matlamat tersebut hanya akan tercapai sekiranya Pahang bersekutu dengan "kuasa-kuasa tempatan" terutamanya Johor. Pahang telah memutuskan untuk berganding bahu bersama Johor untuk menyingkirkan Portugis. Dua percubaan telah dibuat iaitu pada tahun 1547 di Muar dan pada tahun 1551 di Melaka, namun ternyata Portugis lebih hebat daripada segi ketenteraan kerana mempunyai senjata dan kapal perang yang lebih baik^{xviii}. Selepas kemangkatan Sultan Zainal Abidin pada tahun 1555, pemerintahan Pahang telah diganti dengan Sultan Mansur Shah II putera kepada Raja Mansur. Walau bagaimanapun, Baginda telah mangkat semasa berperang dengan Jawa Kafir pada tahun 1560^{xix}. Pemerintahan Pahang telah digantikan dengan adindanya Raja Jamal yang bergelar Sultan Abdul Jamal Shah. Baginda juga telah mangkat terbunuh dan digantikan dengan adindanya Raja Abdul Kadir yang bergelar Sultan Abdul Kadir Alauddin Shah, putera kepada Sultan Zainal Abidin. Baginda telah mewujudkan hubungan yang harmoni dengan Portugis tetapi keadaan ini bersifat sementara selepas baginda telah mangkat pada tahun 1590^{xx} dan digantikan dengan putera almarhum iaitu Raja Ahmad. Raja Ahmad tidak berminat untuk meneruskan hubungan tersebut; namun begitu pemerintahan baginda tidak lama, hanya lebih kurang setahun sahaja kerana baginda masih muda untuk memegang kerajaan. Oleh yang demikian, pemerintahan baginda diganti dengan kekanda baginda iaitu Raja Abdul Ghafur dengan memakai gelaran Sultan Abdul Ghafur (1591-1614). Baginda merupakan pemerintah terakhir dari keturunan Melaka^{xxi}.

Kesultanan Johor mula mengalami era kejatuhan pada tahun 1613. Kemunculan kuasa baru ketika itu iaitu Aceh turut mewarnai sistem beraja Pahang apabila Pemerintah Aceh yang terkenal pada ketika itu, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah menyerang Batu Sawar, Johor dan pemerintahnya menjadi tawanan dan dibawa pulang ke Aceh^{xxii}. Sultan Alaudin dibenarkan kembali ke Johor dengan syarat bahawa Johor akan membantu Aceh dalam serangan-serangan menentang Portugis serta tidak membenarkan Belanda berada di Johor. Akan tetapi perjanjian ini telah diingkari oleh baginda kerana baginda telah menandatangani satu perjanjian dengan Portugis di Melaka pada tahun 1615. Sebagai balasan Portugis melantik putera Sultan Alaudin, Raja Bujang sebagai pemerintah baru negeri Pahang menggantikan putera Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah^{xxiii}. Pelantikan Raja Bujang sebagai pemerintah Pahang tidak diiktiraf oleh Aceh dan kemudiannya menyerang Pahang dan Raja Bujang terpaksa melarikan diri ke Pulau Lingga dan disertai oleh Sultan Abdullah yang bermusuhan dengan Aceh. Aceh telah melancarkan serangan terhadap Pulau Lingga dan menyebabkan kedua-dua sultan melarikan diri ke Pulau Tambelan. Sultan Abdullah mangkat di sana dan seterusnya menjadikan Raja Bujang sebagai pemerintah Johor-Pahang dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Shah III^{xxiv}, sementara Raja Bajau putera kepada Sultan Abdullah Maayat Shah sebagai Tengku Mahkota Johor, memerintah Pahang sebagai Yam Tuan Muda (1641-1676). Pahang mula mengadakan hubungan perdagangan dengan Jambi di Sumatera. Walau bagaimanapun, pada tahun 1673 hubungan ini telah menjadi satu krisis yang mendorong Jambi memutuskan hubungan perdagangan dengan Johor dan menyebabkan Sultan Abdul Jalil Shah III melarikan diri ke Pahang dan mangkat pada tahun 1677. Raja Bajau juga mangkat pada tahun yang sama dan baginda digantikan dengan puteranya iaitu Raja Ibrahim (1677-1685)^{xxv}. Pemerintahan Raja Ibrahim berakhir pada tahun 1685. Oleh kerana putera baginda masih kecil, bonda Tengku Mahmud menjadi pemerintah baru dibantu oleh ayahandanya, Tun Abdul Paduka Raja yang tidak begitu disenangi^{xxvi} oleh penduduk jajahannya. Justeru, empayar Johor-Pahang semakin lemah dari segi politik dan dipergunakan sepenuhnya oleh Bendahara untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Akibatnya pada tahun 1688, Bendahara Tun Habib Abdul Majid berjaya merampas kuasa dan menyingkirkan Tun Abdul Paduka Raja dan membawa Sultan Mahmud Shah II ke Johor. Walau bagaimanapun, Sultan Mahmud Shah II telah diiktiraf sebagai pemerintah Johor-Pahang^{xxvii} tetapi pemerintahannya tidak lama kerana baginda merupakan seorang pemerintah yang lemah dan dikenali sebagai

tidak siaman. Baginda telah mangkat dibunuh oleh Megat Seri Rama pada tahun 1699 di Kota Tinggi, Johor.

SEJARAH PEMERINTAHAN PAHANG: KETURUNAN BENDAHARA

Kemangkatan Sultan Mahmud telah menjadikan Bendahara Tun Abdul Jalil^{xxviii} sebagai pemerintah baru Johor-Pahang yang bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Pelantikannya disokong sepenuhnya kerana mengikut perlembagaan, jika sultan telah mangkat tanpa pengganti atau waris, Bendahara akan diberi hak untuk menerajui pemerintahan^{xxix}. Perebutan kuasa oleh empat orang anak Bendahara Tun Abdul Majid iaitu, Tun Abdul Mutalib, Tun Muhammad, Tun Kuris dan Tun Da telah terjadi pada sekitar tahun 1801-1802. Akibatnya Tun Abdul Mutalib telah mati dibunuh oleh Temenggung Tun Abdul Jamal adik kepada Bendahara Tun Abdul Majid pada tahun 1802 dan kemudian Bendahara Tun Abdul Majid telah meninggal pada tahun yang sama. Tun Muhammad dari Riau-Lingga dilantik sebagai pengganti Sultan Mahmud tetapi telah mati lemas dalam perjalanannya dari Riau ke Pahang. Oleh itu, jawatan Bendahara telah diberikan kepada Tun Kuris^{xxx} yang dianggap pemerintah paling kejam. Kuasa Bendahara semakin dominan di Pahang, dan pada tahun 1806, Tun Ali anak kepada Tun Kuris menjadi Bendahara Seri Maharaja yang baru. Pemerintahan Bendahara Tun Ali adalah paling lama dan dikatakan pemerintahan yang bebas daripada kekacauan dalam negeri.

Pada tahun 1856, Bendahara Tun Ali mangkat dan kemangkatan Baginda telah mencetuskan perang saudara antara Wan Mutahir dan Wan Ahmad berpunca daripada wasiat yang ditinggalkan oleh Bendahara Tun Ali kepada putera-puteranya. Justeru, Pahang telah berpecah kepada dua puak. Perang saudara tamat selepas kemangkatan Wan Mutahir dalam bulan Mei tahun 1863^{xxxi} sekaligus memberi kemenangan kepada Wan Ahmad yang memerintah Pahang bermula tahun yang sama^{xxxii}. Di bawah pemerintahan Wan Ahmad, baginda telah menubuhkan sebuah majlis pembesar yang merangka undang-undang dan menetapkan hukuman bagi perbuatan jenayah seperti merompak, rasuah dan membunuh. Kahwin lari juga merupakan satu kesalahan yang serius dan harus dihukum^{xxxiii}. Dengan ini, tertubuhlah satu sistem kerajaan baru yang berfungsi sehingga tahun 1888 sehingga sebuah sistem pentadbiran kolonial di bawah kerajaan British diperkenalkan di Pahang. Seterusnya, pengenalan sistem Residen serta penjajahan Inggeris di negeri Pahang telah bermula. Ini menyebabkan ramai pihak yang tidak berpuas hati dan bangkit untuk menentang kerajaan British. Peperangan itu ditamatkan dengan melenyapkan semua aktiviti kebangkitan dan penentang Inggeris. Residen Inggeris yang pertama di negeri Pahang telah dilantik iaitu John Pickersgill Rodger^{xxxiv} dan ini telah mengeratkan lagi hubungan Raja dengan kerajaan British. Pada 6 Ogos 1882, pemerintahan negeri ini mula memakai gelaran sultan bermula dengan Sultan Ahmad I^{xxxv}. Namun begitu, hanya pada 12 Disember 1884, Bendahara Ahmad mula digelar dengan gelaran Sultan Ahmad Al Muadzam Shah oleh pembesar-pembesarnya. Pengiktirafan gelaran Sultan ke atas Bendahara Ahmad telah dibuat oleh Kerajaan British pada tahun 1887. Perjanjian naungan yang dibuat di antara Sultan Ahmad dan Kerajaan British antara lain menyebut takhta Kerajaan Negeri Pahang hendaklah dipusakai oleh waris-warisan dan zuriat Sultan sendiri.^{xxxvi} Perjanjian ini dibuat agar British tidak mengganggu-gugat sistem beraja Pahang.

Putera Sultan Ahmad, Tun Mahmud telah diangkat menjadi "Regent" iaitu Pemangku Raja pada 22 Julai, 1889^{xxxvii}. Apabila Sultan Ahmad telah uzur, Tun Mahmud telah dikurniakan gelaran Yang Teramat Mulia Tengku Besar Mahmud.^{xxxviii} Apabila Sultan Ahmad mangkat, Tun

Mahmud telah ditabalkan menjadi Sultan Pahang yang kedua iaitu Sultan Mahmud Ibni al Marhum Sultan Ahmad Shah 1 ditabalkan menjadi Sultan Pahang seratus hari selepas kemangkatan Sultan Ahmad.^{xxxix} Di bawah pemerintahan Baginda, alatan kebesaran Pahang atau "State Regalia" telah diperbuat. Alatan kebesaran ini diperbuat daripada harta pusaka Al-Marhum ayahandanya; namun belum sempat alatan kebesaran ini sempurna, Baginda mangkat. Usaha Baginda telah disempurnakan oleh adindanya iaitu Sultan Abdullah. Pada ketika ini, pemerintahan Raja masih lagi dipimpin oleh Residen British iaitu J.P. Rodger.

Selepas kemangkatan Sultan Mahmud, tiada waris untuk menggantikan Sultan Mahmud^{xl}. Akibat tiada peraturan dalam negeri pada ketika itu maka Tengku Abdullah, adinda kepada Sultan Mahmud telah ditabalkan menjadi Sultan Pahang iaitu Sultan Abdullah Ibni al Marhum Sultan Ahmad Shah 1 pada bulan Mei 1919^{xli}. Sultan Abdullah telah menghidupkan kembali gelaran orang besar-besar di dalam negeri ini bagi mengenang jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh seseorang itu kepada Raja dan Negerinya.^{xlii} Di bawah pemerintahan baginda juga hukum kanun untuk menentukan bakal Sultan Pahang telah diwujudkan. Hukum ini dipersetujui oleh kerajaan British dan menetapkan bahawa bakal sultan adalah putera yang tua sekali. Pada ketika itu, putera baginda yang tua adalah Tengku Abu Bakar. Dengan ini, baginda telah bersetuju untuk menetapkan bakal sultan itu dengan memakai gelaran Tengku Mahkota Pahang pada 4hb Jun, 1930^{xliii}. Di samping itu, di bawah pemerintahan Baginda juga corak kedudukan Sultan dibantu dengan pembesar istana mula diadakan bermula dengan Bendahara, Temenggung, Orang-orang Besar Berempat, Berlapan, Berenam-belas dan Orang-orang Besar istana dan lain-lainnya.^{xliv} Orang-orang Besar negeri Pahang akan diketuai oleh Yang Amat Mulia Tengku Ariff Bendahara, Yang Dipertua Adat Istiadat.^{xlv} Namun begitu, gelaran Orang Besar itu hanya sempat diadakan sehingga Orang Besar Berlapan sahaja, dan gelaran ini diteruskan sehingga Orang Besar Enam Belas oleh anakanda Baginda iaitu Sultan Abu Bakar.^{xlvi} Baginda juga merupakan Raja Pahang yang pertama memperkenalkan undang-undang kesalahan orang-orang Islam.^{xlvii} Tidak lama kemudian, Sultan Abdullah gering dan membawa kepada kemangkatan baginda pada 23hb Jun, 1932^{xlviii}. Sebelum diangkat jenazah pada waktu itu, di hadapan perhimpunan ramai Tengku Abdullah telah dilantik sebagai Sultan Pahang yang baru iaitu Sultan Abu Bakar Ibni Al Marhum Sultan Abdullah^{xlix}. Di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar, perubahan yang besar dalam perlembagaan, pentadbiran dan perhubungan telah dilakukan semenjak tahun 1948 sehingga hari ini. Perubahan-perubahan besar itu dapat dilihat dengan kewujudan Undang-undang Tubuh Negeri bahagian kedua; yang mengandungi syarat-syarat berkenaan cara-cara mewarisi takhta Kerajaan Negeri Pahang dan tanggungjawab seorang raja yang memerintah dan perkara yang berhubung dengan kemuliaan dan istiadat raja yang memerintah!. Selain itu, Undang-Undang Tubuh antara lain ada menyebut kuasa memerintah hendaklah dijalankan oleh Yang Maha Mulia sendiri dan hanya bangsa Melayu yang beragama Islam sahaja yang dibenarkan dilantik menjadi Menteri Besar di negeri Pahang. Setiausaha Kerajaan Negeri juga hendaklah dilantik oleh Sultan sendiri dan beliau hendaklah berbangsa Melayu dan beragama Islam.^{li} Pindaan terhadap bahagian pertama Undang-undang Tubuh juga dilakukan oleh Baginda yang menetapkan separuh daripada ahli majlis mesyuarat negeri dibenarkan dipilih melalui undi raya. Natiujahnya satu pilihanraya negeri telah dilangsungkan pada September 1955 bagi mencapai matlamat tersebut.^{lii} Pada masa yang sama, pada 27hb Julai 1955, pusat pentadbiran negeri telah diisytiharkan berpindah ke bandar Kuantan menggantikan Kuala Lipis, dan pemansuhan penasihat British dalam negeri.^{liii} Baginda juga mengisytiharkan supaya dibina satu jalan baru untuk menghubungkan Kuantan dan Kuala Lumpur^{liv} dan secara beransur-ansur Baginda telah membuang adat memakai juak-juak yang begitu sinonim dengan adat beraja dan menjadi pembuka perubahan di dalam adat raja-raja.^{lv} Pada 28 Mei 1944, satu istiadat telah dijalankan bagi mengurniakan Tengku Ahmad sebagai Tengku Mahkota Pahang dan Baginda telah dimasyhurkan sekali lagi pada 29 Mei 1949.^{lvi} Setelah ayahanda

Baginda mangkat pada 7hb Mei 1974, Baginda telah dimasyhurkan menjadi Sultan Pahang dengan memakai gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah, Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Pahang.^{lvii} Di bawah pemerintahan Baginda, Pahang semakin pesat membangun. Antara projek raksasa yang telah diisytiharkan dan dilaksanakan oleh Baginda adalah pembukaan tanah secara besar-besaran bagi membuka peluang kepada rakyat jelata memiliki tanah, pembukaan Tanah Jengka Tiga Segi dalam konsep bandar baru, dan peruntukan tanah di Pahang Tenggara di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) yang berfungsi membuka Bandar-bandar baru^{lviii}. Jentera pentadbiran Kerajaan juga diubah suai; seperti pentadbiran daerah negeri Pahang diubah daripada 6 daerah sahaja kepada sepuluh buah daerah bagi melicinkan lagi urusan pentadbiran negeri.^{lix}

UNDANG-UNDANG TUBUH PAHANG SEBAGAI SUMBER KEDAULATAN PEMERINTAHAN BERAJA PAHANG

Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang telah dimeterai di antara DYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muazzam Shah Ibni Almarhum Al-Muktassim Billah Sultan Abdullah dengan Baginda King pada 1948. Undang-undang Tubuh ini memberi satu bentuk kedaulatan ke atas pemerintahan sah Raja Pemerintah Pahang. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama yang dimeterai pada Februari 1948, Perkara 1 menyebut Raja Pemerintah ialah punca Keadilan dan bagi segala kuasa Kerajaan dalam Negeri dan di segala jajahan takluknya. Raja Pemerintah juga merupakan mercu bagi semua geraldan-gelaran, pangkat-pangkat kemuliaan, pangkat-pangkat kebesaran dan kurniaan-kurniaan dalam Negeri dan Kerajaannya.^{lx} Raja Pemerintah mestilah seorang lelaki daripada bangsa Melayu, yang berdarah raja, dan keturunan Raja-Raja Pemerintah Pahang, serta beragama Islam.^{lxi} Perkara 4 dengan jelas menyebut bahawa takhta Kerajaan Negeri Pahang mestilah berketurunan kepada putera yang tertua yang hidup dan yang diakui sah putera Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah. Walau bagaimanapun, keturunan laki-laki DYMM tidak layak menjadi Raja Pemerintah sekiranya hasil siasatan Jumaah Pangkuan Diraja Negeri mendapati Bakal Raja Pemerintah mempunyai sesuatu cacat yang besar dan berat yang boleh menjatuhkan mutu seorang Raja Pemerintah seperti gila, buta, bisu atau mempunyai apa-apa sifat yang keji yang dengan sifat itu tidak diluluskan oleh Hukum Syarak menjadi seorang Raja Pemerintah.^{lxii} Fasal 5 pula menegaskan jika DYMM Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muazzam Shah tiada keturunan laki-laki, atau mempunyai keturunan namun keturunan itu tiada layak dijadikan Raja Pemerintah seperti yang telah disebut oleh Perkara 4, maka seorang di antara laki-laki keturunan DYMM Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muazzam Shah Ibni Almarhum Al-Muktassim Billah Sultan Abdullah hendaklah dipilih dan dilantik menjadi Raja Pemerintah oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri. Namun begitu, sekiranya DYMM Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muazzam Shah Ibni Almarhum Al-Muktassim Billah Sultan Abdullah tiada keturunan laki-laki, atau mempunyai keturunan namun keturunan itu tiada layak dijadikan Raja Pemerintah seperti yang telah disebut oleh Perkara 4, maka seorang laki-laki keturunan DYMM Almarhum Sultan Abdullah hendaklah dipilih menjadi Raja Pemerintah oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri.^{lxiii} Perkara 5 juga menyebut jika sekiranya tiada keturunan laki-laki daripada DYMM Almarhum Sultan Abdullah atau mempunyai keturunan namun keturunan itu tiada layak dijadikan Raja Pemerintah, maka seorang laki-laki daripada keturunan DYMM Almarhum Sultan Ahmad hendaklah dipilih dan dilantik menjadi Raja Pemerintah oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri. Undang-undang Tubuh juga menyebut jika sekiranya tiada keturunan Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Abdullah dan Sultan Ahmad layak menjadi Raja

Pemerintah, maka Jumuah Pangkuan Diraja Negeri hendaklah memilih dan melantik seorang Raja Pemerintah seorang laki-laki, daripada kalangan rakyat Raja Negeri Pahang, yang cukup umur, sempurna akal, berbangsa Melayu, daripada darah baik-baik dan diakui telah diperanakkan dengan secara halal, dan sah boleh membaca dan menulis Bahasa Melayu, dan baik namanya, baik budi pekertinya dan baik kelakuan dan tingkah lakunya.^{lxiv} Sekiranya Raja Pemerintah dilantik di bawah Perkara ini, maka Perkara 3 tidaklah dipakaikan kepadanya. Setelah Raja Pemerintah dipilih, maka Raja Pemerintah hendaklah ditabalkan mengikut adat istiadat Melayu Negeri ini.^{lxv}

Raja Pemerintah yang telah dipilih dan dilantik berhak mendapat elaun dengan persetujuan Dewan Negeri dan elaun itu mestilah berpadanan dan munasabah cukupnya dengan pangkat dan ketinggian darjah Raja Pemerintah.^{lxvi} Perkara 11 juga menyatakan bahawa pada masa menimbangankan beberapa banyak elaun tersebut, maka tiada boleh dikira apa-apa pendapatan Raja Pemerintah itu yang diperolehi daripada harta Baginda sendiri. Namun begitu, bayaran elaun kepada seseorang Raja Pemerintah yang telah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah menurut Perkara 8 atau telah turun takhta di bawah Perkara 9, bolehlah ditamatkan atau ditahan oleh Dewan Negeri jika Raja Pemerintah yang telah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah atau yang telah turun dari Takhta itu melakukan atau cuba melakukan apa jua perbuatan derhaka kepada Negeri atau merosakkan atau cuba merosakkan Negeri atau bersubahat dengan siapa-siapa juga atau dengan mana-mana kerajaan asing dengan tujuan mendatangkan bencana kepada Negeri atau kepentingan-kepentingan Negeri.^{lxvii}

Perkara 8 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang menyebut Raja Pemerintah tidak boleh meninggalkan Negeri Pahang selama lebih daripada dua belas bulan berturut-turut mengikut takwim Masihi, kecuali diizinkan oleh Jumuah Pangkuan Diraja Negeri. Jika Raja Pemerintah melanggar Perkara di atas, maka Baginda disifatkan tiada lagi menjadi Raja Pemerintah dan telah menarik diri daripada Negeri dan hak-hak dan tuntutan-tuntutannya di atas negeri.^{lxviii} Jika sekiranya Raja Pemerintah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah di bawah Perkara ini, maka Dewan Negeri bolehlah menguntukkan daripada wang hasil Negeri bagi saraan bekas Raja Pemerintah suatu elaun yang tiada lebih daripada satu perempat daripada belanja yang ditetapkan bagi saraannya pada masa Baginda menjadi Raja Pemerintah dan apa-apa elaun hendaklah dikenakan bayarannya daripada Kumpulan Wang Disatukan.^{lxix}

Perkara 12A(1) menyebut Raja Pemerintah boleh melantik Isterinya menjadi Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang dengan syarat bahawa dia adalah seorang daripada bangsa Melayu, yang berdarah raja, beragama Islam dan perkahwinannya dengan Raja Pemerintah adalah sah menurut Hukum Syarak dan undang-undang yang berkuat kuasa pada masa perkahwinan itu dilangsungkan. Apabila berlaku kemangkatan Raja Pemerintah, maka gelaran Isteri Raja Pemerintah akan bertukar kepada Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar^{lxx}. Namun begitu, sekiranya berlaku perceraian atau apabila Raja Pemerintah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah mengikut Perkara 8 atau dengan reda hatinya sendiri telah turun takhta dan melepaskan hak-hak Baginda di bawah Perkara 9, maka gelaran Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang bagi Isteri Baginda akan mansuh dengan sendirinya.^{lxxi}

Menurut Perkara 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, jika Raja Pemerintah pada tarikh naik Takhta Kerajaan, berumur lapan belas tahun mengikut kiraan takwim Hijrah, maka selagi Baginda belum mencapai umur lapan belas tahun, tugas-tugas diraja hendaklah dijalankan

dengan nama dan bagi pihak Raja Pemerintah iaitu Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Diraja dan jika apa-apa tugas yang dijalankan itu berlawanan dengan adat Melayu Negeri Pahang atau dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, Jumaah Pangkuan Diraja Negeri berkuasa memberhentikan Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja dan melantik yang lain. Mengikut Perlembagaan Malaysia, jawatan Yang di-Pertuan Agong digilirkan setiap lima tahun Antara Sembilan Pemerintah Negeri Melayu yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Maka, mengikut Perkara 18(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, sekiranya Raja Pemerintah Negeri Pahang dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan tugas Yang di-Pertuan Agong selama lebih daripada lima belas hari, Baginda Sultan boleh melantik Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja bagi menunaikan tugas-tugas diraja sehingga sampai masanya Baginda berhenti daripada menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong melalui Surat Perintah yang ditandatangani oleh Baginda dan dibubuh cap Mohor Negeri. Surat Perintah ini boleh dikeluarkan pada bila-bila masa sebelum mengangkat sumpah seperti yang termaktub di dalam Fasal (1) Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan atau sekiranya Baginda Sultan menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong selama tempoh lebih daripada lima belas hari, Surat Perintah tersebut boleh dikeluarkan pada bila-bila masa sebelum Baginda berhenti daripada menjalankan

Seperti juga negeri-negeri lain di Malaysia, Raja Pemerintah merupakan Ketua agama negeri^{lxxii} dan Baginda boleh mengeluarkan perintah supaya diadakan apa-apa undang-undang bagi maksud mengatur hal ehwal agama dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu bagi membantu dan menasihatkan Baginda dalam semua perkara mengenai agama Negeri dan adat resam Melayu.^{lxxiii} Perkara 24(2) menegaskan Raja Pemerintah akan terus kekal sebagai Ketua agama negeri walaupun Baginda dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong. Raja Pemerintah juga hendaklah memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mewakilinya dalam apa-apa langkah, amalan atau upacara agama Islam menurut persetujuan Majlis Raja-Raja yang meliputi Persekutuan seluruhnya.^{lxxiv} Perkara 24A pula menyatakan Raja Pemerintah hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Adat Istiadat, yang terdiri daripada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua dan tidak kurang daripada lima ahli yang lain, yang mana semua ahlinya dilantik oleh Baginda Sultan.^{lxxv} Hanya Majlis Adat Istiadat ini sahaja yang berhak membantu dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai adat istiadat dalam Negeri ini.^{lxxvi}

Perkara 16 menjelaskan sekiranya Jumaah Pangkuan Diraja berpuas hati dengan keterangan sekurang-kurangnya daripada dua tabib bahawa Raja Pemerintah gering akibat kerana kelemahan akal fikiran atau tubuh badan, dan Baginda tiada dapat menjalankan tugas-tugas diraja, maka tugas sedemikian hendaklah dijalankan dengan nama dan bagi pihak Raja Pemerintah oleh Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja sehinggalah dimasyhurkan oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri bahawa Raja Pemerintah telah sihat dan layak untuk menjalankan semua tugas-tugas diraja. Namun begitu, sekiranya Raja Pemerintah itu gering yang tiada sampai lemah akal fikiran atau tubuh badan, atau Baginda berangkat ke luar Negeri atau bercadang hendak berangkat ke luar Negeri selama lebih daripada tiga puluh hari, maka Raja Pemerintah boleh melantik Pemangku Raja bagi menunaikan tugas-tugas diraja selama kegeringan atau selama keberangkatan Baginda Melalui Surat Perintah yang ditandatangani Baginda dan dibubuh cop Mohor Negeri.^{lxxvii} Seseorang Raja Pemerintah boleh turun takhta dengan reda hati sendiri, dan boleh melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa dirajanya jika Baginda berkehendak berbuat demikian.^{lxxviii}

KESIMPULAN

Susur galur pemerintahan Pahang begitu unik dan menarik bermula daripada keturunan Raja-raja Melaka iaitu Sultan Muhammad Shah (1470-1475) sehinggalah tampuk pemerintahan diambil oleh keturunan Bendahara bermula dengan Bendahara Tun Habib Abdul Majid. Pemerintahan Beraja Pahang semakin kukuh apabila Undang-undang Tubuh Pahang Bahagian Pertama digubal oleh Baginda Sultan Abdullah Ibni Al Marhum Sultan Ahmad Shah I dan diperteguh oleh Sultan Abu Bakar Ibni Al Marhum Sultan Abdullah. Penggubalan Undang-undang Tubuh Pahang menjadi paksi kedaulatan ke atas pemerintahan sah Raja Pemerintah Pahang dan punca Keadilan bagi segala kuasa Kerajaan dalam Negeri dan di segala jajahan takluknya. Melalui Undang-undang Tubuh yang dilaksanakan di atas kebijaksanaan Al Marhum Sultan Abu Bakar, maka kelancaran sistem pelantikan dan pemerintahan beraja Pahang dapat diteruskan dan ia menerbitkan kemakmuran ke atas negeri dan rakyat jelata.

RUJUKAN

Aruna Gopinath, 1993, "Sejarah Politik di Pahang", Dewan Bahasa dan Pustaka

Buyong Adil, 1972 "Sejarah Pahang", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
C.A. Gibson Hill, "Johor Lama and Other Ancient Sites",

Historical Notes on Indonesia and Malaya from Chinese Sources, di susun oleh W.P.Groeneveldt:
C.V.Bharatara, Djakarta-1960;

J.V. Mills, 1930, "1613 Description of Malacca and Meridional India and Cathay, Godinho de Eridia", JMBRAS Vol. VIII Part I

J.V.Mills, December, 1937, "Malaya in the Wu-Pei-Chih Charts", JMBRAS Vol. XV part III-

Mohamed Mokhtar b.Hj Mohd Daud, Cetakan Kedua 1987 "Singgahsana Negeri Pahang Darul Makmur 5 Raja Bertakhta", Lembaga Muzium Negeri Pahang

Paul Wheatley, 1961, "The Golden Khersonese", Kuala Lumpur, University of Malaya Press
R. Windstedt, "A history of Malaya"

R. Windstedt, 1932, "A history of Johore", JMBRAS, X, I,

R. Windstedt, Mac 1920, "The Genealogy of Malacca's Kings from a copy of the Bustanu Salatin", JMBRAS, 81

R.J. Wilkincson, 1931, "Mahmud II and Abdul Jalil II", JMBRAS, IX, I,

Suntingan W.G.Shellabear, 1961, Sejarah Melayu oleh Tun Seri Lanang, (Cetakan Yang Kesepuluh): Singapore, Malay Publishing House Ltd.

W. Linehan, 1936, "A History of Pahang", JMBRAS Vol. XIV Part II-June

Zalina Husain, Mohamed Mokhtar Abu Bakar, Ramlie Ngah, Aripin Said, Cetakan Kedua 1987, "Singgahsana Negeri Pahang Darul Makmur"

Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang

BIOGRAFI PENULIS

Suria Fadhilah Md. Pauzi sekarang bertugas sebagai Pensyarah Undang-Undang di Universiti Teknologi MARA Pahang dan boleh dihubungi melalui email suriapauzi@pahang.uitm.edu.my

Zarith Sofiah Othman sekarang bertugas sebagai Pensyarah di Fakulti Sains Komputer dan Matematik Universiti Teknologi MARA Pahang dan boleh dihubungi melalui email zarithsofiah@pahang.uitm.edu.my

Sharifah Shatrah Syed Hamid sekarang bertugas sebagai Pensyarah Undang-Undang di Universiti Teknologi Mara Pahang dan boleh dihubungi melalui email shatrah@pahang.uitm.edu.my

ⁱ A History of Pahang, oleh W.Linehan: JMBRAS Vol. XIV Part II-June, 1936.

ⁱⁱ 1613 Description of Malacca and Meridional India and Cathay, Godinho de Eridia, and Notes by J.V. Mills: JMBRAS Vol. VIII Part I-September, 1930; A history of Pahang, oleh W.Linehan: JMBRAS Vol. XIV Part II-June, 1936

ⁱⁱⁱ Sejarah Melayu oleh Tun Seri Lanang, suntingan W.G.Shellabear (Cetakan Yang Kesepuluh): Malay Publishing House Ltd., Singapore-1961.

^{iv} The Golden Khersonese, oleh Paul Wheatley: University of Malaya Press, Kuala Lumpur-1961; A history of Pahang, oleh W.Linehan: JMBRAS Vol. XIV Part II-June, 1936; Malaya in the Wu-Pei-Chih Charts, by J.V.Mills:JMBRAS Vol. XV part III-December, 1937.

^v Historical Notes on Indonesia and Malaya from Chinese Sources, di susun oleh W.P.Groeneveldt: C.V.Bharatara, Djakarta-1960; A history of Pahang, oleh W.Linehan: JMBRAS Vol. XIV Part II-June, 1936.

^{vi} R. Windstedt, "Sejarah Melayu", JMBRAS, XVI, iii, Disember 1938, hlm 92-97.

^{vii} Haji Buyong Adil, Sejarah Pahang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.

^{viii} R. Windstedt, "Sejarah Melayu", JMBRAS, XVI, iii, Disember 1938, Bab 11.

^{ix} R. Windstedt, "Sejarah Melayu", JMBRAS, XVI, iii, Disember 1938, hlm 141-142, cerita 14.

^x Sejarah Melayu oleh Tun Seri Lanang, suntingan W.G.Shellabear (Cetakan Yang Kesepuluh): Malay Publishing House Ltd., Singapore-1961.

^{xi} R. Windstedt, "The Genealogy of Malacca's Kings from a copy of the Bustanu Salatin", JMBRAS, 81, Mac 1920, hlm 44.

^{xii} "A History of Pahang", oleh W.Linehan: JMBRAS Vol. XIV Part II-June, 1936, hlm 17.

^{xiii} R. Windstedt, "Sejarah Melayu", JMBRAS, XVI, iii, Disember 1938, bab 21, hlm 180-181.

^{xiv} R. Windstedt, "Sejarah Melayu", JMBRAS, XVI, iii, Disember 1938, hlm 193.

^{xv} "A history of Pahang", oleh W.Linehan: JMBRAS Vol. XIV Part II-June, 1936, hlm 19-24 dan Lampiran 7, hlm 252-256.

^{xvi} "A History of Pahang", oleh W.Linehan: JMBRAS Vol. XIV Part II-June, 1936, hlm 19.

^{xvii} Haji Buyong Adil, "Sejarah Pahang", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hlm 49.

^{xviii} R. Windstedt, "A history of Johore", JMBRAS, X, I, 1932, hlm 19-21.

^{xix} R. Windstedt, "The Genealogy of Malacca's Kings from a copy of the Bustanu Salatin", JMBRAS, 81, Mac 1920, hlm 46.

^{xx} Haji Buyong Adil, "Sejarah Pahang", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hlm 53.

- lvi Ibid.,hlm 96
- lvii Ibid., hlm 100-101
- lviii Ibid.,hlm102-103
- lix Ibid.,hlm 104
- lx Perkara 2 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxi Perkara 3 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxii Perkara 4 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxiii Perkara 5 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxiv Perkara 6 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxv Perkara 7 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxvi Perkara 11(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxvii Perkara 10 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxviii Perkara 8(2) Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxix Perkara 8(3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxx Perkara 12a(2) ibid
- lxxi Perkara 12A(2) & (3) ibid
- lxxii Perkara 24(1) ibid
- lxxiii ibid
- lxxiv Perkara 24(3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- lxxv Perkara 24A(2) Ibid
- lxxvi Perkara 24a(1) Ibid
- lxxvii Perkara 17 ibid
- lxxviii Perkara 9(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang